

PENYAMPAI EMAS SINAR

TERMA-TERMA ASAS (PERADUAN)

Terma-Terma Asas dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Lazim (yang terdapat di <https://astroradio.com.my/legal-terms>) ini (secara kolektif, "**Terma dan Syarat**") akan mengikat semua Peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini. Definisi-definisi dalam Term dan Syarat akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-Terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-Terma dan Syarat-Syarat Lazim dan Terma-Terma Asas, Terma-Terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma dan Syarat secara tanpa syarat oleh para Peserta.

Dengan menyertai Peraduan ini, para Peserta bersetuju kepada Notis Privasi yang didapati di <https://media2.fishtank.my/media/astroradio/assets/legal-privacy-terms/privacy-notice-customers-2024.pdf>

1.	Penganjur	ASTRO RADIO SDN BHD (COMPANY NO. 199601031120 (403472-D))
2.	Stesen Radio	SINAR
3.	Nama Peraduan	Penyampai Emas SINAR
4.	Jenis Peraduan	Pertandingan
5.	Huraian/ Mekanisme Peraduan dan Prosedur Penyertaan	<u>Pusingan 1: Penyertaan (22 December 2025 – 15 Januari 2026)</u> Social Media • Peserta perlu memuat naik video bercakap seperti penyampai radio di Instagram atau TikTok dengan hashtag #PenyampaiEmasSINAR dan tag @sinar dalam kapsyen. • Seorang Peserta dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan, Bagaimanapun, seorang Peserta hanya boleh menang sekali dalam Pertandingan ini. Mana-mana kemenangan seterusnya akan diisytiharkan tidak sah secara automatik. Ujibakat On-Ground • Peserta perlu hadir ke Lokasi ujibakat yang penganjur akan tetapkan dan mengisi butiran pada borang yang telah disediakan. • Lokasi ujibakat akan diberitahu penganjur tertakluk pada pengumuman di hantaran milik social media era. • Ujibakat dibuat secara langsung dan akan dijurikan oleh juri pilihan pihak penganjur. • Jika memenuhi kriteria dengan markah tertinggi, peserta akan dipilih ke pusingan ke-2 tertakluk pada ketetapan dan keputusan penganjur. <u>Pusingan 2: Penyertaan Disenarai Pendek</u> • Empat Puluh (40) Peserta yang disenarai pendek oleh pihak Penganjur akan diumumkan di laman Instagram SINAR dan orang awam akan mengundi untuk keperingkat seterusnya. • Dua puluh (20) peserta terbaik yang mendapat undian tertinggi akan dipilih ke pusingan yang seterusnya.

		<u>Pusingan 3: Cabaran</u> - Sepuluh (10) Peserta yang terpilih akan diberikan cabaran secara berperingkat oleh pihak Penganjur selama empat hari dari 26 Januari 2026 hingga 29 Januari 2026. - Peserta perlu menghadirkan diri ke lokasi acara cabaran seperti yang diminta oleh pihak Penganjur. - Peserta yang gagal menghadirkan diri ke lokasi acara cabaran dikira tersingkir secara automatik. - Setiap cabaran akan diberikan markah. Lima (5) Peserta dengan jumlah markah tertinggi untuk semua cabaran akan maju ke pusingan akhir yang akan berlangsung pada hari Jumaat, 30 Januari 2026 di lokasi dan masa yang akan ditetapkan kemudian <u>Pusingan 4: Finale</u> - Lima (5) peserta yang terpilih ke pusingan finale akan diberikan dua (2) tugas utama oleh pihak Penganjur. - Peserta yang gagal menghadirkan diri ke Lokasi acara finale dikira tersingkir secara automatic. - Peserta perlu menyiapkan tugas yang diberikan. - Di acara finale, Peserta perlu menyelesaikan cabaran dan tugas kepada pihak juri berserta sesi soal jawab bersama juri. - Satu (1) Peserta terbaik dengan total markah tertinggi daripada panel hakim akan diumumkan sebagai pemenang untuk menjadi penyampai radio SINAR selama satu (1) tahun. Peserta mesti mematuhi mekanisme Peraduan seperti yang diubah, dipinda atau diberitahu oleh Penganjur dalam Tempoh Peraduan. Pihak Penganjur berhak untuk meminta Peserta mengemukakan Kad Pengenalan asal atau dokumen/bahan sokongan lain yang asal untuk tujuan pengesahan.
6.	Kelayakan	a) Peraduan ini terbuka kepada semua waraganegara Malaysia yang berumur 35 tahun ke atas pada 22 December 2025 tahun dan ke atas ("Umur Kelayakan") pada masa penghantaran penyertaan atau pada tarikh pertama Tempoh Peraduan. b) Mana-mana Peserta yang didapati tidak layak mengikut Terma dan Syarat akan hilang kelayakan pada mana-mana peringkat semasa Tempoh Peraduan.
7.	Caj (jika berkenaan)	Caj telekomunikasi lazim yang dikenakan oleh pembekal khidmat telekomunikasi Peserta.
8.	Tempoh Peraduan	22 December 2025 – 30 January 2026 Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk mengubah, melanjutkan, menangguhkan atau menjadualkan semula Tempoh Peraduan atau mana-mana tarikh berkenaan yang berkaitan dengan Peraduan (contoh, Tarikh Tutup Penyertaan).
9.	Bahasa Peraduan	Bahasa Malaysia
10.	Tarikh Tutup Penyertaan	Penyertaan mesti diterima oleh pihak Penganjur pada atau sebelum before Tarikh Tutup dan masa (jika berkenaan).

		Penyertaan yang diterima sebelum bermulanya Tempoh Peraduan dan selepas Tarikh Tutup Penyertaan yang ditetapkan akan hilang kelayakan dan tidak layak untuk dipertimbangkan untuk berserta dalam Peraduan ini/ Hadiah.
11.	Cara Penghantaran	Melalui aplikasi laman sosial – Instagram
12.	Alamat	All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Lebuhraya Puchong-Sungai Besi, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
13.	Pemilihan Pemenang	Peserta yang berjaya melalui Pusingan 1, 2, 3 dan mendapat jumlah markah tertinggi daripada panel hakim di Pusingan 4: Finale.
14.	Hadiah	Hadiah Wang tunai untuk setiap pemenang. • Tempat pertama menerima wang tunai RM 5,000 • Tempat kedua menerima wang tunai RM 3,000 • Tempat ketiga menerima wang tunai RM1,000 • Hadiah saguhati tempat keempat dan kelima menerima wang tunai RM500 setiap seorang.
15.	Pemakluman Pemenang	Nama pemenang akan diumumkan oleh pihak Penganjur di Pusingan 4: Finale apabila Pertandingan berakhir
16.	Tempoh Pengambilan Hadiah dan Tempat Pengambilan Hadiah	Akan dimaklumkan oleh pihak Penganjur
17.	Terma-terma Tambahan, jika ada	Peserta perlu hadir di lokasi yang dimaklumkan oleh pihak Penganjur dalam Tempoh Pertandingan, jika tidak, kelayakan Peserta mungkin akan dibatalkan dan pihak Penganjur mempunyai hak mutlak untuk memilih peserta yang lain untuk menggantikan Peserta yang kehilangan kelayakan. Semua Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar kepada atau dijual dalam apa jua cara untuk apa-apa barang, hadiah atau wang tunai. Peserta perlu hadir di lokasi yang dimaklumkan oleh pihak Penganjur dalam Tempoh Pertandingan, jika tidak, kelayakan Peserta mungkin akan dibatalkan dan pihak Penganjur mempunyai hak mutlak untuk memilih peserta yang lain untuk menggantikan Peserta yang kehilangan kelayakan. Semua Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar kepada atau dijual dalam apa jua cara untuk apa-apa barang, hadiah atau wang tunai. Panel hakim (jika berkenaan) akan ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak pihak Penganjur dan/atau penaja. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan mana-mana Peserta untuk apa jua sebab, dan apa-apa keputusan oleh hakim, Penganjur dan/atau penaja yang berkaitan dengan Pertandingan adalah muktamad dan Penganjur dan/atau penaja tidak akan melayan apa-apa rayuan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut. Semua kos dan perbelanjaan Peserta semasa Pertandingan (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengangkutan ke dan dari mana-mana tempat, makanan dan minuman, semua perkara yang bersifat peribadi) harus ditanggung oleh Peserta.

		Peserta bersetuju untuk menyerahkan kepada dan memberikan Penganjur, penaja Pertandingan ini dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka, hak mutlak dan lesen untuk seluruh dunia (yang kekal, tanpa royalti, tidak eksklusif dan yang boleh dilesenkan) untuk menggunakan, membuat salinan, meminda, mengubahsuai, menyesuaikan, menerbitkan, menterjemah, membuat karya terbitan daripada, mengedar, melaksanakan, bermain, membuat tersedia kepada orang awam, dan melaksanakan semua hak cipta dan publisiti berkenaan dengan foto/video yang diambil atau dirakam semasa Pertandingan dan Peserta mengetepikan apa-apa hak moral dalam foto/video tersebut. Penganjur, penaja Pertandingan ini dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka hendaklah mempunyai hak tunggal (tetapi tidak ada kewajipan) untuk menggunakan, memuat naik atau menyiarkan foto/video tersebut dan/atau memasukkannya dalam karya lain dalam mana-mana media dan platform mengikut budi bicara mutlaknya untuk sebarang tujuan termasuk tujuan pengiklanan dan pemasaran tanpa apa-apa bayaran royalti kepada Peserta.
--	--	---